

73

SOALAN NO: 343

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK**  
**ABDUL AZIZ**  
**KAWASAN : PASIR MAS**

**SOALAN:**

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai kontraktor yang telah disenarai hitamkan kerana tidak mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan dan menjelaskan tindakan yang boleh dikenakan kepada kontraktor terbabit yang menjalankan kerja-kerja tidak mengikut spesifikasi sehingga membahayakan orang ramai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak CIDB melalui Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling CIDB telah menguatkuasakan Tindakan Tatatertib Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) pada 1 Februari 2015 ke atas kontraktor yang melanggar syarat tawaran atau syarat kontrak yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan.

Surat Pekeliling tersebut menjelaskan dengan terperinci jenis pelanggaran beserta tindakan atau hukuman yang akan dikenakan ke atas kontraktor samada berbentuk amaran, gantung atau tarik balik SPKK dan senarai hitam ahli lembaga pengarah syarikat. Jenis pelanggaran dan tindakan bagi Tatatertib Sijil Perolehan Kerja Kerajaan adalah seperti di Lampiran A.

Kontraktor yang telah dikenakan tindakan gantung sijil SPKK tidak dibenarkan untuk menyertai tender baru projek Kerajaan dalam tempoh tindakan masih berkuatkuasa. Profil kontraktor terbabit turut dikemaskini dengan memaparkan semua jenis kesalahan serta tindakan yang dikenakan untuk rujukan mana-mana pihak khususnya pemilik-pemilik projek bagi tujuan membuat pertimbangan/pemilihan kontraktor.

Setakat Februari 2018, berikut adalah bilangan kontraktor yang telah dikenakan tindakan:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Tindakan</b>	<b>Bilangan Syarikat</b>
1.	Amaran	1,612
2.	Gantung Sijil SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan)	277

Sekian, terima kasih.

**Lampiran A**

**Senarai Tindakan Atas Pelanggaran Syarat Tawaran dan Syarat Kontrak**

Bil	Jenis Pelanggaran	Tindakan
1	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen bagi tujuan menyertai tender atau mendapat kontrak	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
2	Menarik diri sebelum keputusan tender	Gantung Pendaftaran satu (1) tahun.
3	Menarik diri setelah kontrak ditawarkan	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
4	Sub-kontrak tanpa persetujuan klien	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
5	Gagal mematuhi obligasi kontrak (Non-Performance) i. Lewat ii. Tidak menepati spesifikasi.	Amaran
6	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara tender	Gantung Pendaftaran dua (2) tahun.
7	Penamatan kontrak bagi kerja yang dipanggil secara sebutharga & Requisition (kerja undi)	Gantung Pendaftaran 1 tahun
8	Kontraktor secara sengaja menyertai perolehan kerajaan dalam tempoh penggantungan	a. Tarik Balik Pendaftaran SPKK, dan b. Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat disenarai hitam bagi tempoh 3 tahun.  <b>Nota:</b> Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik syarikat hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh hukuman yang ditetapkan.
9	Lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan syarat tawaran dan syarat kontrak	Amaran

**Nota:**

- i. Tindakan bagi kesalahan di atas terpakai ke atas Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja.
- ii. Tindakan tatatertib yang diambil oleh Jawatankuasa Tindakan Tatatertib CIDB atas kesalahan seperti yang ditetapkan di dalam Akta 520 dan peraturan-peraturan di bawahnya akan menjaskan status SPKK sebagaimana keputusan yang dibuat ke atas PPK.